

02 DEC 1996

Halim-Larangan

TIADA LARANGAN KEPADA PEGAWAI KERAJAAN PEGANG JAWATAN SUKAN

PADANG BESAR, 2 Dis (Bernama) -- Kerajaan tidak melarang kakitangan dan pegawainya memegang jawatan dalam kegiatan kokurikulum seperti sukan selagi ia tidak menjejaskan tugas rasmi mereka, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali hari ini.

Beliau berkata, sekiranya mereka boleh memegang jawatan dalam kegiatan itu sambil dapat menjalankan tugas rasmi dengan baik, ia tidak menjadi halangan kepada mereka untuk berbuat demikian.

"Sebenarnya tidak ada larangan (daripada segi peraturan), tetapi dengan memegang jawatan itu seharusnya dia tidak mengabaikan jawatan yang lain," katanya kepada pemberita selepas melawat kompleks imigresen, kastam dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di pintu sempadan di sini serta kem Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Padang Besar.

"Kalau dia boleh pegang jawatan (dalam kokurikulum) sambil itu juga menjalankan tugasnya, itu terpulang kepada ketua pentadbiran masing-masing untuk menentukannya tetapi daripada segi larangan khusus saya tidak nampak ada suatu larangan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas perkembangan di Kelantan apabila Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud dilaporkan mengingkari arahan kerajaan negeri itu yang melarang mana-mana pegawai tadbir daripada menerajui badan sukan.

Semalam, Wan Hashim bertanding dan berjaya mempertahankan jawatan Presiden Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA).

Bagaimanapun tindakan Wan Hashim kurang disenangi oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana beranggapan bahawa Wan Hashim tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada urusan pentadbiran kerajaan kerana menjawat satu jawatan lain dalam badan sukan di negeri itu.

Abdul Halim berkata banyak juga pegawai lain yang berkecimpung dalam bidang sukan tetapi tidak mengabaikan jawatan mereka dalam kerajaan.

Beliau berkata, kakitangan kerajaan memang digalakkan melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum tetapi soal sama ada dia mesti aktif terlibat itu perlu dikaji. Ini kerana ada beberapa negeri yang tidak menggalakkan penglibatan aktif pegawai kerajaan dalam sukan, sebaliknya hanya sekadar mengambil bahagian.

"Tetapi penglibatan mereka tidak boleh sehingga sampai melupakan tugas rasmi masing-masing," kata beliau.

Bagaimanapun Abdul Halim berkata beliau tidak tahu dengan jelas apa masalah sebenar yang dihadapi oleh kerajaan negeri Kelantan secara rasmi melainkan setakat yang diketahuinya melalui akhbar.

"Kalau kerajaan negeri Kelantan menghadapi apa-apa masalah mereka sepatutnya memberitahu kita secara rasmi," katanya.

Sementara itu semasa diminta mengulas mengenai kenyataan Setiausaha Agung Cuepacs, N.Siva Subramaniam yang mendakwa 95 peratus daripada 800,000 kakitangan awam tidak boleh menikmati kenaikan pangkat di bawah Jadual Gaji Matriks Sistem Saraan Baru (SSB), beliau berkata kesatuan sekerja itu seharusnya mengemukakan cadangan mereka kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk dikaji.

Bagaimanapun Abdul Halim berkata, beliau tidak tahu sama ada Cuepacs telah mengemukakan atau tidak.

Katanya, sepanjang yang diketahuinya Cuepacs telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan dengan Dr Mahathir baru-baru ini dan dan perkara itu

sedang dikaji oleh JPA.

Mengenai lawatannya ke Perlis, lawatan pertama sejak dilantik memegang jawatan sekarang, Abdul Halim berkata pada keseluruhannya beliau bangga dengan kejayaan yang dicapai dan berpuas hati dengan mutu perkhidmatan awam yang sentiasa meningkat walaupun masih ada sedikit-sebanyak perubahan yang perlu dilakukan.

Katanya, tujuan lawatannya juga ialah untuk melihat usaha pembaharuan daripada jabatan-jabatan kerajaan termasuk daripada segi perkhidmatan kaunter.

Beliau juga berkata, kerajaan akan berusaha membekalkan kemudahan dan peralatan yang moden kepada jabatan dan agensinya di samping latihan tertentu kepada kakitangannya dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan di samping tidak mengabaikan kebajikan kakitangannya. -- BERNAMA

IQ NMO